

SOALAN NO: 57

Selain itu penubuhan Jawatankuasa Khas Membanteras Penyalahgunaan Media Sosial yang dipengerusikan oleh YB Menteri Komunikasi dan Multimedia dan dianggotai oleh pihak Kementerian, PDRM, SKMM dan Jabatan Peguam Negara turut telah memperkukuhkan dan memperkemaskan lagi kerjasama dan kordinasi antara agensi yang terbabit di dalam Membanteras penyalahgunaan media sosial dan media baharu.

Sebarang perbuatan atau perlakuan di Internet atau media sosial yang bole menyentuh sensitiviti agama yang melanggar peruntukan Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 (AKM 1998) akan disusuli dan diambil tindakan oleh pihak MCMC. Dalam masa yang sama, bagi sebarang aduan atau laporan yang diterima, pihak MCMC juga akan merujuk perkara tersebut kepada pihak Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN), termasuklah PDRM untuk penelitian dan tindakan lanjut di bawah Akta Hasutan 1948, Kanun Keseksaan, Enakmen Jenayah Syariah dan sebagainya.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN

DARIPADA : YB SU KEONG SIONG

TARIKH : 7 MAC 2017 (SELASA)

SOALAN : 58

Tuan Su Keong Siong [Ipoh Timur] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan keperluan dan pendekatan Kerajaan untuk membina pelabuhan "*deep-sea port*" yang akan menelan perbelanjaan berjumlah RM 200 billion di Pulau Carey.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Pelabuhan Klang yang merangkumi Terminal Pelabuhan Barat dan Utara mencatatkan pertumbuhan yang memberangsangkan dengan mencatatkan kadar pertumbuhan purata di paras 8%-10% dalam tempoh 10 tahun ini. Kapasiti pengendalian kontena di Pelabuhan Klang pada ketika ini adalah sebanyak 16.2 juta TEU. Pada tahun 2016, Pelabuhan Klang telah mencatatkan kendalian kontena sebanyak 13.2 juta TEU (*twenty-foot equivalent unit*) berbanding dengan tahun sebelumnya iaitu sebanyak 11.8 Juta TEU.

Berdasarkan amalan antarabangsa, apabila sesebuah pelabuhan mencapai dan melebihi kapasiti pengendalian kontena sebanyak 70% maka ianya telah dianggap mencapai kapasiti penuh (*full capacity*). Dengan itu, rancangan pembangunan pembesaran lapangan kontena perlu dirancang dan dibangunkan bagi menampung keperluan masa hadapan.

Sehubungan itu, Kerajaan telah menjalankan Kajian Pelan Induk Pembangunan Pelabuhan Klang (*Port Klang Development Master Plan Study*) 2010-2030. Berdasarkan kajian tersebut Pelabuhan Klang akan mencapai tahap keupayaan kendalian kontena yang maksimum pada tahun 2025. Kajian tersebut mengesyorkan supaya satu perancangan rapi perlu dilaksanakan oleh Kerajaan dalam meningkatkan kapasiti pengendalian kontena di Pelabuhan Klang bagi membolehkannya bersaing dengan pelabuhan serantau yang lain khususnya Pelabuhan Singapura.

Dalam pada itu, penggabungan dan pembentukan *alliances* di antara syarikat-syarikat perkapalan dan pembinaan kapal-kapal berskala besar dalam usaha mengurangkan kos operasi akan menyebabkan syarikat perkapalan akan mengurangkan singahan ke atas pelabuhan-pelabuhan berkapasiti kecil. Pelabuhan Klang perlu menyediakan prasarana dan fasiliti yang mencukupi untuk menampung kunjungan kapal-kapal yang besar untuk terus menarik minat syarikat perkapalan untuk bersinggah.

Cadangan dan perancangan untuk mewujudkan terminal ketiga di Pelabuhan Klang masih dalam penelitian dan pembinaan terminal baru tersebut turut memerlukan pembukaan dan perolehan tanah. Justeru, kaedah serta model pembangunan berkenaan perlu melalui proses penilaian yang teliti, perancangan yang rapi serta konsultasi dengan semua *stakeholder*.

SOALAN (59)

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
TARIKH : 7 MAC 2017
[SELASA]
DARIPADA : YB. DATO' IR. NAWAWI BIN AHMAD
[LANGKAWI]

SOALAN :-

YB. Dato' Ir. Nawawi Bin Ahmad [Langkawi] minta **MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan status terkini operasi insinerator yang dibina di tapak pelupusan sampah Belanga Pecah, Langkawi, Kedah.

JAWAPAN :-

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa kini loji insinerator Pulau Langkawi masih belum beroperasi selepas operator lama ditamatkan perkhidmatan pada 30 April 2015. Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) melalui Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara (JPSPN) mengambil langkah untuk melantik operator baru dan pada ketika ini di peringkat akhir memuktamadkan proses pelantikan. Operator yang dilantik perlu membaikpulih dan seterusnya mengoperasikan loji insinerator berkenaan. Proses pelantikan ini turut melibatkan *technology provider* dari luar negara dalam menasihati pihak operator untuk membaikpulih dan mengoperasikan loji insinerator berkenaan.

Lantikan operator baharu dijangka akan dimuktamadkan pada awal Mac 2017. Namun demikian, operator berkenaan akan mengambil masa sekurang-kurangnya setahun untuk membaikpulih loji insinerator tersebut dan dijangka kembali beroperasi pada awal bulan Mac 2018.

Buat sementara ini, kesemua sisa pepejal dari seluruh Pulau Langkawi akan dilupuskan di Tapak Pelupusan Sisa Pepejal Belanga Pecah sehingga loji insinerator tersebut kembali beroperasi.

Kementerian Kesejahteraan Bandar,
Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Mac 2017